

## → WILAYAH

[FOTO GHAZALI KORI/BH]



**Ahmad Zubaidi bergambar selepas merasmikan Simposium Kebangsaan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas 2017 di Kuala Nerus, semalam.**

# UniSZA hab kanak-kanak OKU 2019

→ **Pembukaan Hospital Pengajar di universiti sedia bantuan pakar di Pantai Timur**

Oleh **Nuruljannah Anam**  
bhkt@bh.com.my

▪ **Kuala Nerus**

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mempersiapkan langkah bagi menjadi hab kepada kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) di Pantai Timur pada 2019 selaras dengan pembukaan Hospital Pengajar di institusi pengajian tinggi berkenaan.

UniSZA selaku universiti komuniti berharap dengan langkah berkenaan, lebih ramai ibu bapa sedar

mengenai kepentingan pendidikan khas kepada kanak-kanak OKU.

Naib Canselor UniSZA, Datuk Prof Dr Ahmad Zubaidi Abd Latif, berkata dengan adanya hospital terbabit, UniSZA akan menyediakan pakar bagi membantu kanak-kanak OKU dan keluarga mereka terutama kepada ibu bapa yang tidak dapat mengenal pasti anak mereka tergolong dalam golongan itu.

### Ada OKU sukar dikenal pasti

"Ada beberapa jenis OKU yang sukar untuk dikenal pasti oleh ibu bapa termasuk disleksia, autistik

dan kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran.

"Justeru, ramai kanak-kanak OKU tidak didaftarkan dan mereka berkemungkinan tidak mendapat pendidikan khusus.

"Bagi memberi pendedahan dan penjagaan khusus, kanak-kanak OKU perlu dikenal pasti seawal usia lima tahun. Jadi, UniSZA akan memainkan peranan bagi memberi kesedaran terutama kepada ibu bapa untuk menangani masalah ini," katanya selepas Majlis Perasmian Simposium Kebangsaan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas 2017 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Azman Mohd Yusof.

### Kaedah kendali OKU

Program selama dua hari itu turut membabitkan tenaga pengajar pendidikan khas, ibu bapa, kanak-kanak OKU dan pelajar OKU.

Simposium yang julung kali diadakan di UniSZA itu akan membincangkan mengenai keluarga pesakit OKU dan kaedah untuk mengendalikan golongan ini dalam kehidupan seharian.